

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN WONG CHEN
(KELANA JAYA)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. TUAN WONG CHEN [KELANA JAYA] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan butiran terperinci kos bagi Program Volunteering International Professionals (VIP) dan jelaskan hasil yang ingin diperoleh daripada program tersebut.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, program *Volunteering for International Professionals* (VIP) adalah merupakan salah satu program di bawah inisiatif Strategi Lautan Biru Kebangsaan atau NBOS. Tujuan program VIP ini adalah untuk menarik golongan profesional antarabangsa dan tempatan dalam menyumbang kepakaran mereka dalam aktiviti sosial

ekonomi negara melalui aktiviti kesukarelawan. Bagi fasa pertama pelaksanaan, program VIP telah melibatkan seramai 26 sukarelawan antarabangsa dan 18 sukarelawan tempatan dalam 9 impak projek yang telah dilaksanakan dengan jayanya.

Kerajaan telah membelanjakan sejumlah **RM 1,780,000.00 (Satu Juta Tujuh Ratus Lapan Puluh Ribu Ringgit Sahaja)** dengan pecahan termasuklah kos pengurusan dan pelaksanaan projek, program pembangunan dan kerangka pelaksanaan 9 projek impak VIP, pengenalpastian sukarelawan profesional antarabangsa dan tempatan menerusi jaringan global antarabangsa. Ini termasuk promosi melalui portal sukarelawan antarabangsa, proses penapisan, temuduga secara atas talian, senarai pendek dan pelantikan. Badan- Badan Bukan Kerajaan (NGO) yang menjadi Tuan Rumah projek juga diperuntukkan sebanyak RM 10,000 setiap projek sebagai "*seed fund*". Setiap projek mempunyai 3 sukarelawan antarabangsa dan 2 sukarelawan tempatan. Ini adalah untuk memastikan perkongsian pengetahuan dan kepakaran yang dapat memperkasakan kemahiran sukarelawan tempatan.

Melalui inisiatif VIP, sukarelawan terpilih dapat berkongsi idea dan pengalaman mereka dalam menyediakan aktiviti/ rangka kerja yang

bersesuaian untuk menghasilkan impak berpanjangan dalam menangani isu-isu sosial semasa. Program VIP ini telah menghasilkan modul-modul latihan untuk terus digunapakai oleh NGO dalam program-program latihan mereka. Kepakaran VIP juga telah membantu mewujudkan sebuah Portal Ilmu Percuma disamping mencungkil bakat anak muda dalam bidang kesenian dan kebudayaan. Selain itu komuniti setempat juga telah mendapat faedah melalui penglibatan bersama dalam menangani isu-isu sosial semasa. Program VIP ini diharap dapat menjadi pemangkin kepada pihak swasta, NGO dan juga komuniti untuk sama-sama bergabung dengan Kerajaan dalam menyelesaikan isu-isu sosial masyarakat setempat. Di dalam jangka masa panjang, hasrat Kerajaan adalah untuk menjadikan Malaysia sebagai hab aktiviti untuk kesukarelawananan professional antarabangsa, khususnya di rantau ini.